

NOTA AMALAN NO 1/2025

LAYANAN PERCUKAIAN ATAS PENERIMAAN DERMA ATAU SUMBANGAN

1. Nota amalan ini dikeluarkan untuk memberi penjelasan berhubung layanan cukai ke atas derma atau sumbangan yang diterima oleh mana-mana “orang”. Mengikut seksyen 2 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP), “orang” termasuk suatu syarikat, badan orang, perkongsian liabiliti terhad dan perbadanan tunggal.
2. Kebiasaannya derma atau sumbangan yang diterima oleh mana-mana orang adalah bertujuan untuk mengumpul dana bagi melaksanakan objektif tertentu. Terdapat institusi, organisasi atau tabung (IOT) yang ditubuhkan bukan bertujuan untuk mendapat keuntungan namun ditubuhkan untuk melaksanakan objektif IOT tersebut iaitu aktiviti untuk kepentingan awam tanpa apa-apa tujuan komersil.
3. IOT sebegini kebiasaannya mengumpul dana melalui derma atau sumbangan yang diterima daripada pelbagai entiti termasuk Kerajaan, syarikat korporat, persatuan, pertubuhan mahupun orang awam. Dana yang dikumpul melalui derma atau sumbangan ini digunakan oleh IOT untuk melaksanakan objektif penubuhan IOT tersebut yang melibatkan kepentingan awam atau untuk memberi sumbangan kepada orang ramai bagi tujuan amal atau kebajikan.
4. Tiada peruntukan khusus dalam ACP berhubung layanan cukai ke atas derma atau sumbangan yang diterima. Oleh itu, skop pengenaan cukai sedia ada adalah terpakai kepada IOT ini. Skop pengenaan di bawah seksyen 3 ACP menyatakan cukai pendapatan dikenakan bagi setiap tahun taksiran atas pendapatan mana-mana orang yang terakru dalam atau terbit dari Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia. Oleh yang demikian, derma atau sumbangan yang diterima adalah termasuk dalam skop pengenaan cukai sekiranya penerimaan tersebut mempunyai ciri-ciri pendapatan atau bercorak perdagangan seperti:
 - i. pendapatan diterima berulang-ulang kali;
 - ii. pendapatan mengalir daripada suatu punca pendapatan; dan
 - iii. pendapatan diterima dalam arus biasa perniagaan.

5. Derma atau sumbangan boleh tertakluk kepada cukai pendapatan sekiranya:
 - i. Penerima derma atau sumbangan tersebut menjalankan perniagaan; atau
 - ii. Derma atau sumbangan yang diterima tersebut digunakan untuk menambah hasil dan mengekalkan aktiviti perniagaannya.

Contoh 1:

Sekolah Setia Bakti (SSB) ditubuhkan bertujuan untuk memberi pendidikan khas kepada anak-anak kelainan upaya. Yuran dikenakan ke atas setiap pelajar yang berdaftar di sekolah ini. Selain daripada itu, SSB juga menerima derma dan sumbangan daripada orang awam yang mana dana tersebut dikumpulkan oleh pihak sekolah. Derma dan sumbangan ini digunakan untuk membiayai yuran persekolahan bagi pelajar-pelajar SSB yang kurang berkemampuan. SSB bukan IOT yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP.

Derma atau sumbangan yang diterima oleh SSB digunakan untuk tujuan menambahkan hasil pendapatannya dan mengekalkan aktiviti perniagaannya. Oleh yang demikian, derma atau sumbangan yang diterima daripada orang awam oleh SSB adalah merupakan pendapatan perniagaan yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP.

6. Bagi suatu IOT yang menerima derma atau sumbangan bagi menjalankan aktiviti, penerimaan tersebut adalah pendapatan hasil yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang dilakukan secara spesifik untuk tujuan melaksanakan objektif penubuhan IOT termasuk derma atau sumbangan yang digunakan untuk tujuan aktiviti amal atau kebajikan adalah perbelanjaan yang dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP. Hanya baki atau lebih daripada pendapatan derma atau sumbangan yang tidak digunakan sahaja yang akan dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP.

Contoh 2

Yayasan Jayadiri (YJ) ditubuhkan sebagai sebuah organisasi dengan tujuan untuk mentadbir dan menambah dana awam semata-mata untuk mengurangkan

kesempitan dalam golongan rentan. YJ menerima derma atau sumbangan daripada orang awam bagi melaksanakan aktiviti yayasan. YJ adalah IOT yang tidak diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP.

Dalam tahun 2024, YJ menerima derma atau sumbangan daripada orang awam sebanyak RM200,000. Berikut adalah akaun pendapatan dan perbelanjaan YJ untuk tahun berakhir 31.12.2024:

No.	Perbelanjaan	RM	Pendapatan	RM
I.	Majlis Makan Amal untuk mengutip derma	50,000	Derma atau sumbangan	200,000
II.	Sumbangan kepada mangsa banjir	60,000		
III.	Program bakul makanan untuk gelandangan	50,000		
IV.	Belanja operasi	5,000		
V.	Lebihan	35,000		
	Jumlah	200,000	Jumlah	200,000

Perbelanjaan yang dilakukan oleh YJ sebanyak RM165,000 (*item I sehingga IV*) dibenarkan sebagai potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP kerana perbelanjaan adalah kesemua dan semata-mata dilakukan untuk tujuan yayasan ditubuhkan iaitu bagi tujuan amal atau kebajikan. Lebihan pendapatan yang tidak digunakan sepenuhnya untuk tujuan amal atau kebajikan sebanyak RM35,000 adalah tertakluk kepada cukai pendapatan dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP.

7. Sehubungan itu, IOT boleh memohon kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP sekiranya memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan. Jika sesebuah IOT mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP ini, pendapatan yang diterima oleh IOT adalah dikecualikan cukai di bawah perenggan 13(1)(a) Jadual 6 ACP. Permohonan bagi kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP hendaklah

dikemukakan beserta dokumen sokongan yang lengkap kepada Jabatan Dasar Percukaian, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 boleh diakses menerusi laman sesawang di www.hasil.gov.my.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Tarikh Penerbitan: 24 Mac 2025